

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 DISEMBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	SIRIM tumpu bidang pengukuran, pengujian	Utusan Malaysia
2	SMT bantu teknologi ukur	Berita Harian
3	SMT tawar sokongan industri teknologi	Harian Metro
4	SIRIM JV ready to provide Hi-Tech solutions	New Straits Times
5	Pengembaraan dunia sains	Kosmo

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 12 DISEMBER 2014 (JUMAAT)



NOORUL AINUR MOHD. NUR (tengah) menandatangani plak sebagai simbolik perasmian SIRIM Measurements Technology Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kelima SIRIM Berhad di Pulau Pinang, semalam. Turut kelihatan, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof (dua dari kiri), Anwar Au (kiri), Jamaliah Kamis (dua dari kanan) dan Choo Wai Heng.
- UTUSAN/AZMAN ASMAyatIM

SIRIM tumpu bidang pengukuran, pengujian

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
ekonomi@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 11 DIS.

SIRIM Measurements Technology (SMT) Sdn. Bhd. berhasrat menjadi syarikat utama dalam menawarkan penyelesaian dan sokongan kepada industri berasaskan pengukuran serta pengujian di negara ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad (SIRIM), Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, sasaran itu boleh dicapai SMT yang merupakan anak syarikat kelima SIRIM menerusi kerjasama dengan beberapa penggiat utama dalam industri tersebut di negara ini.

Menurut beliau, SMT adalah syarikat usahasama SIRIM, DreamCatcher Consulting Sdn. Bhd. (DreamCatcher) dan Keysight Technologies, serta Agilent Technologies sebagai rakan usahasama.

Tambahnya, kesemua syarikat itu akan menyokong SMT mening-

katkan perkhidmatan dalam bidang pengukuran dan pengujian di samping menyediakan penyelesaian bagi bidang elektronik, sains hayat, diagnostik serta pasaran guna.

“Dengan matlamat membawa model perniagaan ini ke tahap lebih tinggi, SMT akan dapat mengembangkan keupayaan perniagaan sedia ada seterusnya memperoleh peluang pasaran lebih besar menerusi kerjasama dengan syarikat-syarikat utama ini.

“Kita juga percaya usahasama ini akan membangunkan lagi kebolehan dan kecekapan teknologi SIRIM ke arah mencapai sasaran sebagai hab ujian dan pengukuran teknologi di rantau ini,” katanya.

Beliau berucap dalam majlis pelancaran SMT yang disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd.



DR. ZAINAL ABDIN

Nur mewakili menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin di sini hari ini. Yang turut hadir, Pengerusi SIRIM, Datuk Jamaliah Kamis; Naib Presiden Keysight Technologies, Anwar Au dan Pengurus Besar DreamCatcher, Choo Wai Heng.

Selain di Kuala Lumpur, SMT turut mempunyai pejabat di negeri ini iaitu di Permatang Pauh dan di Senai, Johor serta sebuah pusat kalibrasi dan perkhidmatan pembaikan di Batu Maung di sini.

Menurut Zainal Abidin, penubuhan SMT akan mendapat manfaat daripada perkembangan dan pertumbuhan permintaan kepada teknologi pengukuran serta pengujian yang kini berkembang pesat di pasaran Asia Barat.

Dalam masa sama, katanya, SMT juga berpeluang menceburi bidang teknologi baharu seperti pengukuran frekuensi radio (RF) dan analisis kimia pada masa depan.

SMT bantu teknologi ukur

» Syarikat tawar sokongan kepada sektor perindustrian

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@bh.com.my

SIRIM Measurements Technology (SMT) Sdn Bhd yang dilancarkan di Georgetown, Pulau Pinang semalam, akan memberi penyelesaian menyeluruh bagi teknologi pengukuran dalam bidang perindustrian negara.

Ia termasuk menyediakan penyelesaian teknologi pengukuran dalam bidang frekuensi radio, sains kehidupan dan analisis membabitkan kimia, sekaligus mengangkat tahap perindustrian negara.

Anak syarikat SIRIM
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata anak syarikat kelima SIRIM Bhd itu akan menawarkan sokongan kepada industri



Noorul Ainur (kiri) bersama Pengerusi SIRIM Berhad, Datuk Jamaliah Kamis pada majlis pelancaran SMT di Georgetown, semalam.

[FOTO RAMDZAN MASIAM]

teknologi negara dalam bidang pengujian, pengukuran serta perkhidmatan kalibrasi.

Katanya, SMT juga akan menjadi entiti perniagaan berdaya saing dan memudahkan urusan pemindahan teknologi, perkongsian pengetahuan dan pembangunan modal insan dalam teknologi pengukuran.

"SMT boleh memberi kesan positif kepada hala tuju perindustrian negara secara keseluruhan dan melahirkan lebih ramai pemain industri dalam kalangan orang tempatan dalam teknologi pengukuran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur pada majlis pelancaran syarikat itu, semalam.

SMT adalah sebuah syarikat yang diwujudkan menerusi inisiatif perkongsian awam dan swasta antara SIRIM Bhd, Keysight Technologies dan Dream Catcher Consulting Sdn Bhd bagi menyediakan platform ke arah memacu teknologi pengukuran di negara ini.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 70
TARIKH: 12 DISEMBER 2014 (JUMAAT)



Georgetown: Syarikat milik penuh kerajaan, SIRIM Berhad, melancarkan anak syarikat barunya, SIRIM Measurements Technology (SMT) Sdn Bhd, yang menawarkan sokongan kepada industri teknologi di Malaysia di sini, semalam.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur berkata, SMT ditubuhkan oleh SIRIM Berhad dengan usaha sama tiga syarikat swasta yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi.

Beliau berkata, tiga syarikat swasta yang menjayakan kerjasama itu ialah DreamCatcher Consulting Sdn Bhd, Keysight Techno-

logies dan Agilent Technologies.

"Fokus utama syarikat berkenaan ialah bagi menawarkan penyelesaian masalah dalam bidang teknologi pengujian dan pengukuran, perkhidmatan kalibrasi dan pengujian.

"Penubuhan anak syarikat baru dengan kepakaran tersendiri itu adalah sejajar dengan kemajuan teknologi pengukuran di peringkat antarabangsa pada masa kini," katanya.

Noorul Ainur berkata, dengan penubuhan syarikat baru itu, SIRIM kini mempunyai lima buah anak syarikat termasuklah SIRIM QAS International, SIRIM Training Services, SIRIM Standards Technology dan

National Precision Tooling.

"SMT Sdn Bhd akan berpusat di Kuala Lumpur, namun kami membuka pejabat di Pulau Pinang dan Johor bagi memenuhi keperluan pihak industri di dua negeri berkenaan," katanya.

Sementara itu, Presiden SIRIM Berhad Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof berkata, usaha sama juga akan dijalankan dengan Universiti tempatan khususnya dalam bidang perkongsian pengetahuan teknologi.

"SIRIM akan menjalankan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk memperkenalkan teknologi ada di Malaysia yang digunakan dalam sektor industri sekarang," katanya.

SIRIM JV READY TO PROVIDE HI-TECH SOLUTIONS

MARINA EMMANUEL

GEORGE TOWN: Malaysia now has the expertise to provide the latest telecommunication testing services locally and to the rest of the world, thanks to a partnership inked between Sirim Bhd, a multinational corporation and an electrical and electronics engineering training provider yesterday.

The launch of Sirim's fifth subsidiary, Sirim Measurements Technology Sdn Bhd (SMT), is aimed at supporting technological industries in Malaysia in the field of test and measurement technologies and calibration and testing services, in tandem with the advancement of measurement technology internationally.

The company is a joint venture between Sirim (which holds a 51 per cent equity) and DreamCatcher Consulting Sdn Bhd (49 per cent), while the authorised technology partner is United States-based test and measurement company Keysight Technologies (formerly Agilent Technologies).

"Sirim is the technological partner

for industries that provide solutions. Thus, SMT will provide high-technological solutions for industries in the field of radio frequency (RF) measurement and calibration, life sciences and chemical analysis," said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin.

His speech was read by ministry secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd.


Also present were Sirim chairman Datuk Jamaliah Kamis, its president and chief executive officer Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof and Keysight vice-president Mohamad Anwar Au.

Ewon said with SMT serving as a new ecosystem partner of Keysight, focusing on education and government segments, he believes it will emerge as a

business entity that will act as the bridge for technology transfer, knowledge-sharing and talent development.

Sirim's four other subsidiaries are Sirim QAS International (which provides certification, testing and inspection services), Sirim Training Services (training and consultancy), Sirim Stan-

"We also believe that this joint venture will further develop Sirim's technological capabilities and competency." **Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof**
Sirim Bhd president and chief executive officer



Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general **Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd** signing the plaque to mark the launch of Sirim Measurements Technology Sdn Bhd in George Town yesterday. With her are (from left) Keysight Technologies vice-president **Mohamad Anwar Au**, Sirim Bhd president and chief executive officer **Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof**, Sirim chairman **Datuk Jamaliah Kamis** and DreamCatcher Consulting Sdn Bhd principal consultant **Choo Wai Heng**. Pic by Ramdzan Masiam

dards Technology (calibration) and National Precision Tooling (a special-purpose vehicle for the development of the Bumiputera automotive tool, die and mould industry).

SMT is sited at Sirim's RF facility in Batu Maung on Penang island.

Zainal Abidin said by leveraging on Sirim's knowledge and Keysight's solutions to address local and regional market demands, the joint venture will fulfil the national agenda on advanced technological development.

"By leveraging local capabilities and capacity, SMT will be able to optimise operation efficiency and effectiveness

via a clustered global supplier base.

"We also believe that this joint venture will further develop Sirim's technological capabilities and competency as Keysight is committed to making Malaysia a test and measurement technology hub in this region."

Meanwhile, Au said in his speech that as an authorised technology partner for Keysight, SMT will have access to its solutions and expertise.

"SMT will also be representing Keysight in promoting and developing test and measurement solutions and support services for Malaysia, and possibly Asean member countries in the

future," he added.

Yesterday, a memorandum of understanding was also signed between SMT, Keysight and Universiti Kuala Lumpur to produce competent and employable engineering graduates.

SMT also exchanged a note of understanding with the Department of Polytechnic Education to conduct education and training programmes in electronic engineering technology for advanced measurement, testing and validation, as well as implement programmes in teaching, research, development and innovation, alongside consultancy studies.

Pengembaraan dunia sains



PENGUNJUNG dapat melihat periboa periboa melalui aktiviti yang disediakan di Pusat Sains Negara.

ORANG ramai berpeluang mengambil gambar dengan replika sut angkasawan yang terdapat di Pusat Sains Negara.

PENEROKAAN bidang sains menjadi lebih seronok apabila dilakukan bersama rakan dan ahli keluarga.

Macam-macam permainan yang saya cuba di sini dan kalau boleh, semua benda yang ada di sini saya ingin cuba”
- ZAHARAH RAISAH



WAN NAZANIRA



ZAHARAH RAISAH



AINAL AN

Oleh MAHFUZ MOHAMAD
mahfuz.mohamad@kosmo.com.my

KETIBAAN November sememangnya ditunggu-tunggu semua pelajar sekolah di negara ini kerana ia menandakan bermulanya musim cuti persekolahan akhir tahun. Cuti panjang yang dinikmati itu pasti kurang sempurna sekiranya hanya diisi dengan bermain permainan video dan telefon pintar di rumah. Sebaik-baiknya ibu bapa perlu merancang aktiviti yang membabitkan penglibatan seisi keluarga. Pada awal cuti persekolahan yang lalu, Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur mengajurkan Festival Sains 2014 yang berlangsung selama enam

hari berakhir 27 November 2014. Ibu bapa memanfaatkan peluang tersebut dengan membawa anak-anak meneroka dunia sains sekaligus mampu memupuk minat mereka terhadap dunia sains. “Anak-anak saya memang suka bidang sains ini. Jadi, sempena musim cuti sekolah ini, saya mengambil kesempatan membawa mereka ke sini bagi merasai sendiri pengalaman bermain sambil belajar bermacam-macam perkara tentang dunia sains. “Ini merupakan kali ketiga saya mengunjungi Pusat Sains Negara bersama anak-anak. Mereka tidak pernah jemu malah teruja apabila kami merancang untuk ke sini,” kata seorang suri rumah, Wan Nazanira Wan Mohamad, 36, dari Terengganu yang bercuti ke Kuala Lumpur bersama

kandid

KANAK-KANAK teruja melihat pelbagai jenis ikan di akuarium gergasi pada pintu masuk utama ruang pameran di Pusat Sains Negara.

SAMBUNGAN...
KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 12 DISEMBER 2014 (JUMAAT)



IBU bapa turut mengambil bahagian bersama anak-anak dalam aktiviti penerokaan ilmu sains.

ANTARA eksperimen yang terdapat di Festival Sains 2014 di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.



keluarga.

Menurut Wan Nazanira, membawa anak-anak ke pusat didik hiburan seperti itu bukan sahaja dapat memberikan pendedahan kepada kanak-kanak dalam bidang yang mereka minati tetapi dapat merapatkan hubungan antara ahli keluarga.

Berbaloi

Mengakui teruja sebaik tiba di pintu masuk Pusat Sains Negara, pelajar Sekolah Kebangsaan Tasik Puteri 2, Rawang, Selangor, Zainal Adi Izham, 12, memberitahu, kunjungannya ke situ ternyata berbaloi apabila dapat mencuba sendiri eksperimen sains yang tidak pernah dilakukan di sekolah.

"Saya rasa sangat seronok sepanjang lawatan ke sini bersama rakan-rakan yang lain. Banyak perkara dapat dipelajari


dan dalam masa sama, kami boleh bermain dengan peralatan-peralatan sains.

"Jika ada peluang untuk berkunjung ke sini semula, sudah tentu saya tidak akan melepaskannya kerana saya memang meminati sains," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kelihatan sedang khusyuk menyelesaikan teka-teki, Zaharah Raisah Shahrin, 7, tidak berputus asa untuk terus mencuba menyusun beberapa bentuk bebola kayu bagi dijadikan sebuah piramid.

"Macam-macam permainan yang saya dapat cuba di sini dan kalau boleh, semua benda yang ada di sini saya ingin cuba.

"Bahagian paling menarik di sini ialah ruang penerokaan angkasa dan mengenali haiwan," ujarnya.



PROSES pembelajaran menjadi lebih menarik dengan pelbagai model yang disediakan.



PENGUNJUNG dapat belajar teori-teori sains secara terus menerusi peralatan yang disediakan.



KANAK-KANAK ini sedang mencuba salah satu permainan menguji minda.